

Kesejahteraan politik bantu Sarawak majukan industri pelancongan

BUKANLAH kali pertama penulis berkunjung ke Sarawak tetapi banyak yang boleh dipelajari dari kunjungan empat hari penulis ke negeri itu baru-baru ini. Antaranya ialah keperluan memulihara warisan Sarawak dan kestabilan politik perlu dalam memastikan pembangunan berjalan dengan lancar.

Di samping itu, penulis tertarik dengan keunikan, kecantikan dan kepelbagaian negeri Bumi Kenyalang ini. Kempen Cuti-Cuti Malaysia dan Zoom Malaysia amatlah baik. Keunikan, keindahan dan kepelbagaian yang ada di Sarawak dan juga tempat lain di negara ini perlu diterokai, dihargai dan dinikmati penduduk negara ini.

Bagi sesiapa yang belum menjejaki kaki ke Sarawak, mungkin cuti sekolah yang akan datang, bawalah bersama-sama keluarga untuk menikmati segala keindahan yang ada di Sarawak. Atau

tidak perlu menunggu cuti sekolah bagi mereka yang masih belum berkeluarga.

Segala pembangunan di Sarawak tidak mungkin akan berlaku tanpa tampuk pemerintahan yang kuat di pihak kerajaan negeri. Cakap-cakap politik juga tidaklah sekuat seperti berlaku di Semenanjung. Kesejahteraan politik adalah antara tunjang kepada pembangunan. Justeru, rakyat perlu memastikan kerajaan berada dalam keadaan yang stabil supaya pembangunan dapat dijalankan dengan baik.

Menelusuri Tebingan Kuching sendiri memberi satu kepuasan kepada penulis. Tersergam indah ialah Tugu Peringatan James Brooke terletak bersebelahan Tebingan Kuching. Setiap kali menjejaki kaki ke Sarawak, penulis tidak pernah lupa melawat kedai di Jalan Gambier.

Pelbagai barang tersedia untuk dibawa pulang oleh pengunjung. Namakan saja apa

yang diinginkan. Semuanya mudah diperolehi di kedai yang sesetengahnya, walaupun bangunan lama tetapi tetap terjaga dari sudut kebersihan dan keselamatan.

Kek lapis, pakaian tradisional, kraftangan, gambir Sarawak, tikar buluh, ikan masin terubuk, semuanya terjamu di depan mata. Harga barang yang dijual sangat berpatutan.

Jalinan antara bangunan tradisional dan moden mengamit hati penulis dan mengingatkan bahawa sejarah warisan perlu dihargai tetapi pada waktu sama tidak ketinggalan mengikut peredaran zaman.

Di Kuching sendiri, antara kawasan yang masih mengekalkan bangunan lama ialah di Jalan Gambier, Jalan Carpenter, Jalan Wayang, Lebu India, Main Bazaar dan sekitar Tebingan Kuching.

Pengalaman tinggal di homestay Kampung Lintang membolehkan penulis menye-

berangi sungai ke bandar Kuching dengan bot penambang. Pengalaman menarik ditambah pula dengan makanan enak, layanan penduduk Kuching yang ramah mesra dan lawatan ke pasar minggu Serikin, Bau di sempadan Malaysia-Indonesia membuatkan penulis tidak pernah serik untuk bertandang lagi ke negeri bumi Kenyalang ini.

Peluang menyaksikan upacara 'nasi temuan' pada majlis perkahwinan membuktikan bahawa walaupun arus pemodenan diikuti, adat budaya tetap diamal.

Rakyat negara itu juga perlu menyahut kempen 'Zoom Malaysia' yang bukan saja dapat menambahkan lagi sumber pendapatan penduduk setempat malah dapat menerokai, menghargai dan menikmati keindahan negara ini.

DR SAPORA SIPON,
*Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM)
Nilai, Negeri Sembilan.*